

2021 KEMPEN PEROLEHAN ATAS TALIAN DENGAN CAGARAN DEPOSIT TETAP (FD) DIGITAL DAY

Dikemaskini pada 1 Julai 2021

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Atas Talian dengan Cagaran Deposit Tetap Digital Day” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) untuk aplikasi kad kredit baru bermula pada 07 Julai 2021 pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 7 Julai 2021 pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan (“Pemohon NTC”) yang telah memohon, semasa Tempoh Kempen, sekurang-kurangnya satu (1) Kad Layak seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah melalui penyerahan dokumen pendapatan melalui saluran berikut:
 - (i) Laman Web Korporat Bank di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”); atas
 - (ii) Pemasaran melalui Telefon;

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen ini

Kad Layak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P/Infinite/Infinite Doctor's Edition	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirate Platinum
Sutera Platinum	Sutera Platinum
WISE Gold	I'm
Essential Gold	Platinum/Gold
I'm	
Platinum/Gold/Signature	

2. Golongan berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Pemegang kad prinsipal mana-mana kad kredit HLB sedia ada
 - (ii) Pemohon NTC yang telah menyertai kempen perolehan kad kredit HLB yang lain dalam tempoh yang sama;
 - (iii) Pemegang kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
 - (iv) Pemegang kad yang telah membatalkan kad kredit HLB mereka dan telah memohon semula kad kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai pemegang kad prinsipal dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;
 - (v) Pemohon NTC yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“HLISB”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (vi) Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.

3. Bagi tujuan Kempen ini, semua permohonan bagi Kad Layak oleh Pemohon NTC melalui saluran yang tertakluk di Fasal 1 semasa Tempoh Kempen adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya 31 Julai 2021 (“Pemegang Kad Layak”).

KAEDAH KEMPEN

4. Dengan syarat Fasal 3 di atas dipenuhi, Pemegang Kad Layak berhak menikmati tawaran-tawaran berikut:
- (a) Pengecualian Fi Tahunan**
- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 6 di bawah) dari sebarang jumlah bagi Kad Layak diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak berhak menikmati.
 - (ii) Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama. Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum berhak mendapat Pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria di atas ini menurut Fasal 4(a)(i).
- (b) Rebat RM25 (“Pulangan Tunai 1”)**
- (i) Pemegang Kad Layak yang telah mengaktifkan setiap satu Kad Layak yang diluluskan dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak kepada Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25).
 - (ii) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai 1 adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) atas dasar siapa cepat, sehingga tarikh peruntukan tersebut dicapai atau 30 September 2021, yang mana lebih awal.
 - (iii) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut dalam Fasal 4(b)(i) di atas (“Pemenang Pulangan Tunai 1”), Pulangan Tunai 1 akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemenang Pulangan Tunai 1 mengikut Jadual 2 di bawah

Jadual 2: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 1

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1
Julai 2021	Sebelum/pada 30 September 2021

- (iv) Pemenang Pulangan Tunai 1 akan dimaklumkan oleh HLB dengan cara penyiaran senarai Pemenang Pulangan Tunai 1 (i.e. nama-nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau jumlah pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan yang sama dengan Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1.
 - (v) Sekiranya Pulangan Tunai 1 tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai 1 hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1 berkenaan, jika gagal berbuat demikian, maka Pemenang Pulangan Tunai 1 dianggap telah menerima Pulangan Tunai 1 itu.
- (c) HLB Deposit Tetap /e-Deposit Tetap kadar 7.00% setahun Pulangan Tunai Faedah untuk 3 bulan dengan Perbelanjaan Bulanan RM1,000 sepanjang 3 Bulan**
- (i) Pemegang Kad Layak yang memenuhi syarat-syarat di bawah:-
 - (a) berjaya mencagarkan mana-mana letakan Deposit Tetap (“FD”) atau e-Deposit Tetap (“e-FD”) pada masa memohon Kad Layak dan dengan syarat Kad Layak diluluskan oleh HLB semasa Tempoh Kempen, dan
 - (b) melakukan Perbelanjaan Runcit (seperti yang tertakluk di Fasal 6 di bawah) Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap bulan, bagi tiga (3) bulan berturut-turut dari tarikh kelulusan Kad Layak seperti yang tertakluk di Jadual

3 di bawah akan menerima 7.00% setahun pulangan tunai faedah untuk tiga (3) bulan berdasarkan jumlah FD yang mencagarkan:

Jadual 3: Tempoh Perbelanjaan Bulanan

Bulan Kad Diluluskan	Bulan Pertama	Bulan Kedua	Bulan Ketiga	Bulan Ke-4	Bulan Ke-5	Bulan Ke-6	Bulan Ke-7
1 – 31 Jul 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Sept 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Okt 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Nov 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Dis 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Jan 2022	Berbelanja sebelum/pada 28 Feb 2022

- (ii) Jumlah peruntukkan Pulangan Tunai 3 adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lima Puluh Dua Ribu Lima Ratus (RM52,500) atas dasar siapa cepat sehingga 30 November 2021, atau apabila jumlah peruntukkan tersebut tercapai, mana yang lebih awal.
- (iii) FD atau e-FD yang dicagarkan mestilah dengan amaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) sehingga maksimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) bagi setiap Pemegang Kad Layak Kadar Lembaga Cagaran FD.
- (iv) Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Layak Kadar Lembaga Cagaran FD tidak berhak menyertai mana-mana kempen perolehan kad kredit HLB lain yang sedang berlangsung
- (v) Cagaran FD/eFD mestilah berlaku semasa memohon Kad Layak dan akan berkuat kuasa mulai tarikh cagaran FD/e-FD itu diselesaikan dan diluluskan.
- (vi) Jumlah cagaran FD/eFD hendaklah sama dengan had kredit Kad Layak yang diuntukkan kepada Pemegang Kad Layak atas dasar 1:1.
- (vii) Jumlah peruntukkan dana untuk tawaran ini adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lima Juta (RM 5 juta) untuk cagaran FD/e-FD atas dasar siapa cepat sepanjang tempoh Kempen.
- (viii) Sekiranya Pemegang Kad layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah Fasal 4(c)(i) di atas ("Pemenang Pulangan Tunai Faedah"), Pulangan Tunai Faedah akan dikreditkan ke dalam akaun-akaun kad kredit Pemenang Pulangan Tunai Faedah secara bulanan mengikut cara yang tertera di Jadual 4 di bawah, tertakluk kepada jumlah peruntukkan tersebut dalam perkara (iii) di atas.

Jadual 4: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai Faedah

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Faedah
Julai 2021	September 2021 – Mac 2022

- (ix) Pemenang Pulangan Tunai Faedah akan dimaklumkan oleh HLB dengan cara penyiaran senarai Pemenang Pulangan Tunai Faedah (i.e. nama-nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau jumlah pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan yang sama dengan Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai Faedah.
- (x) Sekiranya Pulangan Tunai Faedah tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai Faedah hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai Faedah masing-masing, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai Faedah dianggap telah menerima Pulangan Tunai Faedah itu.

5. Perbelanjaan Runcit bermaksud apa-apa pembelian runcit dan pembelian dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah Faedah 0% ("EPP")) yang dilakukan di dalam negara dan/atau di luar negara (termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj dengan Kad Layak. Pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
6. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
 - (i) pengeluaran wang tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki ("BT"), Quick Cash One-Time Fee, Quick Cash Monthly Interest dan Pelan Bayaran Fleksi ("FPP");
 - (iii) transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (v) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB

TERMA & SYARAT AM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
 - (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
 - (ii) bersetuju semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB sepanjang Kempen ini adalah tepat dan muktamad
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pengecualian FI Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai Faedah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan membuat susulan dengan HLB untuk mengetahui jika mereka telah dimasukkan dalam senarai kelayakan menerima Pengecualian FI Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atas Pulangan Tunai Faedah
 - (vi) membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor IC (dalam bentuk bertopeng), nombor Kad Layak (dalam bentuk bertopeng), kelayakan menerima Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai Faedah di Laman Web HLB
 - (vii) membenarkan HLB mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn. Bhd (201001014145 (898379-U)) yang HLB ifikir wajar untuk tujuan Kempen ini; dan
 - (viii) bersetuju untuk memastikan semua Kad Layak yang diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat

pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai Faedah.

8. HLB berhak:
 - (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai Faedah jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan, dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai Faedah tidak mematuhi T&S di dalam ini;
 - (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai Faedah di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC;
 - (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini melalui siaran di Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini; dan
 - (iv) melucutkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pulangan Tunai 1 dan Pulangan Tunai Faedah yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit di luar maksud T&S ini, dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.
9. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemrosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan di pihak Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
10. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Prinsipal NTC bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika ada percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
11. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
12. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak NTC bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
13. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.